

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 13 MAC 2018

MUKA SURAT: 18

Inisiatif anggota kekal cerdas

Kuala Lumpur: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggalakkan kakitangannya mengambil bahagian dalam aktiviti kesihatan menyeronokkan termasuk melalui platform media sosial.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, penyertaan anggota dalam 'cabaran tarian Panama' bukan hanya langkah berani dan bergaya malah satu bentuk latihan.

"Perkara ini mengingatkan saya kepada tarian poco-poco dan zumba yang terkenal satu ketika dulu.

"Ini idea menarik dan inisiatif baik yang diambil daripada Internet," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas video yang tular di media sosial membabitkan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang, Kelantan melakukan tarian berkenaan.

Video itu mendapat perkongsian lebih 3,000 pelayar Internet.

Katanya, walaupun video

itu satu cabaran namun ia dapat membantu anggota bomba melakukan senaman, seterusnya mengekalkan kecerdasan tubuh badan mereka selaras permintaan jabatan.

"Apa saya lihat, tidak ada yang menjadi masalah kerana pembabitan mana-mana jabatan atau pegawai itu satu aktiviti cabaran menyeronokkan.

"Ia menunjukkan yang kita juga boleh berseronok dan tahu bergembira walaupun mempunyai jadual kerja yang padat," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menggalakkan kakitangan melakukan aktiviti sihat dan bertenaga.

"Ini cara kreatif yang tidak mempengaruhi kursus atau tugas," katanya.

Selain JBPM, agensi beruniform lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis, Kementerian Kesihatan serta hospital turut menyertai cabaran itu dengan membuat video mereka sendiri dan menyiarkannya sebagai satu cabaran di media sosial.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN